

**NO. SOALAN : 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) sejak tahun 2000 terdapat berapa tapak sejarah, bahan purba dan upacara kebudayaan telah diisytiharkan sebagai warisan negara; dan
- (b) adakah perarakan "Wangkang" telah menjadi salah satu warisan negara.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006, terdapat sebanyak 288 tapak, 102 objek dan 331 warisan tidak ketara telah dilindungi di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Tuan Yang di-Pertua,

Upacara Wangkang telah diberi pengiktirafan sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] pada tahun 2012. Kementerian ini juga melalui Jabatan Warisan Negara selaku wakil *State Party* bagi pihak Kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk mengangkat Upacara/Festival Wangkang ke peringkat UNESCO secara permohonan bersama dengan Republik Rakyat China di bawah *Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity*. Kementerian telah pun berhubung dengan Kerajaan Negeri Melaka bagi mengangkat draf pencalonan kepada UNESCO.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN  
HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**

**TARIKH : 7.3.2017 (SELASA)**

**SOALAN : 19**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bilakah pembinaan Fasa 2  
untuk Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai/ Pengkalan  
Rejab/ Sungai Poyan akan dimulakan kerana tender  
pembinaan sudah dianugerahkan kepada kontraktor.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina dan Menyiapkan Baki Kerja Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) sepatutnya mula dilaksanakan pada November 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2017. Walau bagaimanapun, tiada sebarang kemajuan pada projek tersebut memandangkan kontraktor yang dilantik belum memasuki tapak walaupun arahan telah dikeluarkan. Pada masa ini, pihak JKR Sarawak selaku agensi pelaksana telah mengeluarkan surat amaran untuk kontraktor mempercepatkan pembinaan di tapak. Namun begitu, jika pihak kontraktor masih gagal untuk melaksanakan kerja-kerja di tapak, pihak JKR Sarawak akan memulakan proses penamatan kontrak selaras dengan kehendak kontrak sebagaimana yang telah dimeterai.